

'Bersama membuat perubahan'

AXA Affin General Insurance Berhad (AAGI) menganjurkan AXA Hearts in Action Run 2018 dan menyasarkan untuk mengumpul RM50,000 untuk disumbangkan kepada lima rakan NGO.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Emmanuel Nivet berkata, larian bertemakan "Bersama Membuat Perubahan" bertujuan amal dan menyumbangkan kepada lima NGO antaranya WWF Malaysia, World Vision Malaysia, Yayasan Jantung Malaysia, Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan dan Persatuan Kanser Malaysia.

Menurutnya, larian itu merupakan kali keempat dianjurkan dan akan diadakan pada 30 September di Anjung Floria, Putrajaya.

"Turut diadakan ialah kategori Larian Maya dan ia diperkenalkan kerana permintaan menggalakkan

info

Larian di Anjung Floria Putrajaya dan Larian Maya

- Yuran penyertaan RM 70 untuk 12 kilometer (km)
- RM60 untuk 6km
- RM40 pelari (kanak-kanak berusia 3 -12 tahun)

dari pada peserta yang tidak menyertai larian tapi menyokong usaha AAGI.

"Pelari maya boleh berada di mana-mana lokasi bermula 24 September hingga 7 Oktober dan hanya perlu mengambil gambar bib, menyatakan tarikh larian, masa, jarak dan hantar laman web kami untuk mendapatkan pingat larian," katanya.



Nivet (empat, kiri) pada majlis menandatangani Memorandum Perjanjian Hearts in Action Run 2018.